



# Khutbah Aidilfitri

1444H / 2023M

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "AIDILFITRI: MEMBENTUK PERIBADI MULIA BERTERASKAN FITRAH"

22 April 2023 / 1 Syawal 1444

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ<sup>۱</sup>،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَيْرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَقَنَا لِعِبَادَتِهِ وَجَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ فَرْحًا لِعِبَادِهِ الْمُتَّقِينَ، الَّذِينَ فَازُوا  
بِصِيَامِ رَمَضَانَ وَقِيَامِهِ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>۲</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ وَالْمُسْلِمَاتُ اتَّقُوا اللَّهَ<sup>۳</sup> حَقَّ  
تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah serta meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kita menjadi insan beriman lagi bertakwa, selamat di dunia – sejahtera di akhirat. Alhamdulillah, pada pagi yang barakah ini, kita tergolong antara hamba Nya yang terpilih mendapat undangan Ilahi, berpeluang menyempurnakan Solat Sunat Aidilfitri secara berjemaah. Khatib akan menyampaikan khutbah bertajuk:

### "AIDILFITRI MEMBENTUK PERIBADI MULIA BERTERASKAN FITRAH"

'Aidilfitri' bermaksud kembali kepada fitrah, iaitu kejayaan manusia kembali kepada keadaan asal kejadiannya yang suci, laksana bayi yang baharu dilahirkan, bersih daripada dosa dan noda. Aidilfitri ialah masa untuk memperkuuhkan peribadi mulia

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



yang kita berusaha membinanya, ketika sebulan melalui tarbiah di Madrasah Ramadan. Peribadi mulia bermaksud sahsiah yang telah sebatи dengan diri seseorang; watak yang memiliki akhlak terpuji. Ibadah puasa, bersolat tarawih, membaca al-Quran, berzikir, bersedekah serta ibadah-ibadah lain yang dilakukan sepanjang Ramadan secara ikhlas dengan penuh penghayatan, berperanan mempengaruhi fikiran dan mencorakkan jiwa kita untuk membentuk peribadi mulia.

Secara fitrahnya, manusia suka menyambut perayaan untuk diraikan dalam suasana riang dan gembira seperti yang tercatat dalam sebuah hadis:

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ وَلَهُمْ يَوْمَانِ يَلْعَبُونَ فِيهِمَا. فَقَالَ: مَا هَذَا يَوْمَانِ؟ قَالُوا: كُنَّا نَلْعَبُ فِيهِمَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَبْدَلَكُمْ بِهِمَا خَيْرًا مِنْهُمَا يَوْمَ الْأَضْحَى وَيَوْمَ الْفِطْرِ

Daripada Anas RA, beliau berkata, “Rasulullah SAW tiba di Madinah dan Baginda mendapati penduduk Madinah menyambut dua perayaan; mereka bersuka ria meraikannya”. Lalu Baginda bertanya, “Apakah dua hari ini?” Mereka menjawab, “Kami bersuka ria pada dua hari tersebut ketika jahiliah”. Maka Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya Allah telah menggantikan bagi kamu dengan dua hari yang lebih baik daripada kedua-duanya, iaitu hari Aidiladha dan Aidilfitri. (Riwayat Abu Dawud)

Aidilfitri merupakan anugerah kegembiraan daripada Ilahi kepada hamba Nya yang beriman dan bertakwa. Berpandukan hadis tersebut, Islam mengehendaki umatnya mempunyai jati diri sewaktu menyambut sesuatu perayaan. Dengan mensyariatkan Aidiladha dan Aidilfitri, umat Islam dituntut meninggalkan tradisi jahiliah, berhijrah kepada sahsiah sendiri dalam menyambut hari kebesaran berdasarkan syariat Allah.

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Unsur jati diri yang paling utama ialah keimanan kepada Allah dengan asas tauhid yang tulus lagi suci, serta bebas daripada unsur syirik. Aidilfitri mengasuh kita membesarkan hanya Allah SWT, mengucapkan takbir, diulang-ulang dengan penuh penghayatan. Pada hakikatnya, manusia difitrahkan dengan ‘rasa ketuhanan’, dan manusia telah membuat pengakuan ketika di alam roh, bersaksi bahawa Allah



ialah Tuhan yang sebenarnya. Maka Aidilfitri mengembalikan kita kepada fitrah ini seperti yang terkandung dalam firman Allah SWT:

﴿وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ طُهُورٍ هُرِذُّتِهِمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمُ الْسَّتْرِ تَرَكُّمُ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا  
أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhan mu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Dia menjadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan berfirman), "Bukankah Aku ini Tuhan kamu?" Mereka menjawab, "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikianlah supaya pada hari kiamat kelak kamu tidak berkata, "Sesungguhnya kami orang yang lalai (tidak diberikan peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".  
(Surah Al-A'raaf, ayat: 172)

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

#### **Hadirlin hadirat yang dimuliakan,**

Lanjutan sahsiah berteraskan aqidah yang tulus ke hadrat Allah SWT, pembinaan peribadi hendaklah diperkuuhkan dengan membebaskan diri daripada cengkaman hawa nafsu yang sentiasa mempengaruhi manusia kepada perkara keji dan mungkar. Madrasah Ramadan berperanan memperkuuhkan perisai dalaman manusia, agar memiliki kekuatan mengawal dan menundukkan hawa nafsu selaras dengan hadis:

... وَالصِّيَامُ جُنَاحٌ ...

Maksudnya: ... Dan puasa itu ialah perisai (yang membentengi hawa nafsu)

(Riwayat al-Bukhari)

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Kesimpulannya, Aidilfitri yang kita raikan hari ini, adalah natijah dari Madrasah Ramadan yang kita tempuh selama sebulan. Jika kita berjaya mengukuhkan iman dan takwa kepada Allah SWT, dan mendidik hawa nafsu agar sentiasa tunduk kepada syariat Allah, serta dapat menyuburkan sifat ihsan, kasih-sayang dan mengukuhkan perpaduan



sesama umat Islam, maka kita layak bergembira kerana telah berjaya mencapai maksud Aidilfitri untuk membentuk peribadi mulia berteraskan fitrah.

**Para tetamu Allah yang dimuliakan,**

Dalam keriangan menyambut Aidilfitri, khatib memperingatkan perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Jadikan sambutan Aidilfitri sebagai ibadah, menyambutnya dengan sifat takwa dan bersyukur, memastikan acara sambutan mematuhi syarak, tanpa mengandungi maksiat, berunsur riak, serta hindari pembaziran.

**Kedua:** Menyantuni kedua-dua ibu bapa dan celiakan saudara mara yang lebih tua dengan menziarahi mereka; digembirakan golongan miskin, anak yatim dan orang-orang yang dalam kedaifan dan keuzuran; amalkan sifat pemurah dengan menghulurkan hadiah dan sedekah.

**Ketiga:** Suburkan semangat perpaduan dan saling menghormati sesama insan melalui rumah terbuka, beramah mesra dan bersedia menerima tetamu daripada pelbagai agama dan kaum agar mereka dapat memahami dan menghargai adab budaya, budi pekerti, dan sopan santun umat Islam yang mengutamakan perdamaian dan persaudaraan.

**Keempat:** Mengutamakan keselamatan supaya suasana riang Aidilfitri dijauhi daripada malapetaka dan bencana. Oleh itu berwaspada ketika berada di jalan raya, banyakkan berzikir agar jiwa menjadi tenang dan sabar, semoga terhindar daripada kemalangan; dan memantau secara rapi anak-anak yang bermain dengan bahan bakar dan bunga api.

**Kelima:** Berazam untuk memperlengkap keindahan Ramadan dengan menunaikan puasa sunat enam hari dalam bulan Syawal agar mendapat kurniaan ganjaran yang menyamai berpuasa sepanjang tahun berpandukan Sabda Rasulullah SAW:

*مِنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامَ الدَّهْرِ*

Bermaksud: Sesiapa yang berpuasa Ramadan kemudian diikuti dengan enam hari pada bulan Syawal seakan dia berpuasa selama setahun. (Riwayat Muslim)

*بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.*



## Khutbah Kedua

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَيْرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ  
وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَخْرَابَ وَحْدَهُ  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ. فِيهَا الْمُسْلِمُونَ  
وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ! وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Hadirin hadirat yang dirahmati Allah,

Dalam suasana kita bergembira, berpakaian cantik dan menikmati pelbagai juadah yang enak bersama anggota keluarga, hargailah pengorbanan saudara-saudara kita yang ketika ini ditugaskan melaksanakan pelbagai tanggungjawab fardu kifayah; antaranya anggota tentera dan polis, yang ketika ini bertugas untuk menjaga keselamatan negara dan memastikan ketenteraman awam, para petugas perubatan dan kesihatan, pengendali pengangkutan awam dan pelbagai perkhidmatan yang berkaitan, begitu juga mereka yang bertugas dalam pelbagai industri perkhidmatan merangkumi hotel, tempat makan, stesen minyak dan komunikasi. Semoga Allah melimpahi rahmat dan ganjaran atas pengorbanan mereka, begitu juga kepada ahli-ahli keluarga mereka.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا<sup>4</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>5</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْأَفْ بَيْنَ  
قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثِيقَهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran

<sup>5</sup> Doa untuk kaum muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'Alamin**, terimalah ibadah yang kami lakukan sepanjang Ramadan; kurniai kami kesihatan dan kekuatan agar terus beristiqamah dan beribadah selama hayat dikandungi badan.

**Ya Allah Ya Hafiz!** kami memohon perlindungan daripada sebarang bencana dan kemalangan ketika menyambut Aidilfitri. Kurniai kami keselamatan ketika kami dalam perjalanan menziarahi ibu bapa dan saudara-mara kami, juga limpahi perlindungan Mu kepada para petugas yang melaksanakan pelbagai tanggungjawab fardu kifayah sepanjang sambutan Aidilfitri.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik Ya Hadi!** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Riduan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Riduan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فاذكروا الله العظيم يذكركم، واشكروه على نعمه يزدكم، واسألوه من فضله يعطيكم، ولذكر الله أكبر، والله يعلم ما تصنعون.

الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر وله الحمد